

542 sertai Karnival Sukan FKSUW 2017

► Melahirkan pelajar cergas fizikal dan mental

KOTA KINABALU: Seramai 542 pelajar menyertai Karnival Sukan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSUW) 2017 bertempat di Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Pengarah Program, Joenyon Jami berkata, karnival sukan itu bertujuan membina semangat kerjasama antara pelajar dan mengukuhkan semangat berpasukan sekali gus mengeratkan hubungan antara pelajar dan pensyarah.

"Program seumpama ini juga bagi melahirkan pelajar

yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental," katanya dalam satu kenyataan kepada media.

Ujar beliau, sebanyak tujuh acara sukan dipertandingkan iaitu bola jaring, futsal kategori lelaki dan wanita dan bola tampar (lelaki/wanita).

"Acara selebihnya melibatkan acara balapan iaitu 100 meter (lelaki/wanita), 200 meter (lelaki/wanita), 400 meter (lelaki/wanita) dan larian berganti-ganti 4 x 100 meter juga untuk kategori lelaki dan wanita," jelas Joenyon.

Bagi acara bola jaring, johan

"Program seumpama ini juga bagi melahirkan pelajar yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental."

JOENYON JAMI

Pengarah Program

disandang pasukan Ayam Irians Squad, manakala naib johan dan tempat ketiga masing-masing dimenangi pasukan All IR Girls dan Quest Lady HA14.

Acara futsal kategori lelaki pula menyaksikan pasukan

Hubungan Industri HA12 Tahun 2 muncul sebagai johan, disusuli Geo HA18 sebagai naib johan dan G3 Ft di tempat ketiga.

Acara futsal wanita pula memperlihatkan pasukan Ansos Girl berjaya merebut gelaran johan, diikuti Magistra Vitae Ft sebagai naib johan dan Historian FC di tempat ketiga.

Dalam pada itu, bola tampar lelaki nampaknya berjaya mencuri perhatian pada kejohanan itu yang menyaksikan pasukan Ansosian All Star mantap sebagai johan, manakala naib johan disandang oleh Watershade VC dan tempat ketiga diraih pasukan Hambur.

Bagi kategori wanita pula johan dimenangi pasukan Masscom Halilintars, manakala IR Volleyball dan Geguri HA24 masing-masing mendapat naib johan dan tempat ketiga.

Pada acara balapan individu 100 meter lelaki, johan menjadi milik Mohammad Sharizal Murad, manakala naib johan menjadi milik Atty Majivs dan



PARA pemenang merakam gambar kenangan bersama Dr. Mohamad Puad Bebit.

Sylvester Sumayung dan Efrain Fizae masing-masing mendapat naib johan dan tempat ketiga.

Sementara itu, 100 meter wanita johan disandang Edra Dominic, manakala naib johan dan tempat ketiga diperoleh oleh Clarice Yaban dan Vivi Oliviana Filemon.

Bagi acara 200 meter lelaki, sekali lagi johan disandang Mohammad Sharizal Murad, manakala naib johan dan tempat ketiga masing-masing dimenangi oleh Ramario Tanjong dan Igram Che Onn.

Bagi kategori 200 meter wanita pula menyaksikan johan menjadi milik Edna Dominic, naib johan Alisa Demin dan Nur Izzati Nazihah Junaidi di tempat ketiga.

Siti Nurmas Mail di tempat ketiga.

Acara 400 meter lelaki juga bersaing sengit, namun kejayaan lebih memihak kepada Romario Tanjong yang muncul sebagai johan, disusuli Bong Poh Siang di tempat kedua dan Wan Misly Kindon di tempat ketiga.

Bagi kategori 400 meter wanita pula menyaksikan johan menjadi milik Edna Dominic, naib johan Alisa Demin dan Nur Izzati Nazihah Junaidi di tempat ketiga.

Acara paling menarik, lari berganti-ganti 4x100 meter, kategori lelaki johan disandang pasukan Ansos, naib johan dari pasukan Hubungan Industri dan pasukan

Geografi meraih tempat ketiga.

Kategori wanita bagi acara ini menyaksikan pasukan Ansos sekali lagi tampil juara, dan pasukan Komunikasi dan Geografi masing-masing mendapat naib johan dan tempat ketiga.

Juara keseluruhan Karnival Sukan FKSUW 2017 dirangkul oleh pasukan Ansos.

Majlis perasmian penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FKSUW, Dr. Mohamad Puad Bebit.

Hadir sama pada majlis itu, Dr. Md Saffie Abdul Rahim dan Salmie Jemon, Pensyarah Kanan, FKSUW.



MOHAMAD Puad menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang.